

ADUAN / PERTANYAAN / KOMEN

Berita Harian – 14 Februari 2017

Sokong cadangan Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia menggesa KPDNKK menyediakan garis panduan asingkan produk halal dan haram.
- [AQUILA:BHA28986

MAKLUMBALAS SURAT KEPADA PENGARANG



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569



MAKLUM BALAS RUANGAN SURAT DAN E-MAIL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ingin merujuk kepada aduan yang disiarkan oleh **Berita Harian** bertarikh **14 Februari 2017** dalam ruangan Interaktif daripada **AQUILA:BHA28986** - **“Sokong cadangan Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia menggesa KPDNKK menyediakan Garis Panduan asingkan produk halal dan haram”**.

Kementerian ingin mengucapkan berbilang terima kasih atas perkara yang dibangkitkan. Untuk pengetahuan pihak kementerian dalam usaha penambahbaikan berterusan kerajaan dan mengambil kira setiap aduan yang dikemukakan kepada pihak kementerian.

Untuk makluman, di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Bahagian VII – Perintah Perihal Dagangan (Barang-barang Diperbuat Daripada Mana-Mana Bahagian Babi Atau Anjing) 2013 menyatakan “jika apa-apa barangan diperbuat daripada mana-mana bahagian babi atau anjing hendaklah ditandakan atau diperihalkan dengan jelas serta diasingkan.

Kegagalan mematuhi Perintah ini adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 29, Akta Perihal Dagangan 2011. Penalti bagi kesalahan ini adalah jika individu boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya. Jika pesalah syarikat boleh didenda tidak melebihi RM250,000.00.

Sekian.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**